**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 38 (B)**

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIIKLANKAN SAHAJA.**

**KETUA MERINYU HAL EHWAL UGAMA**
**JABATAN HAL EHWAL SYARIAH**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 09 APRIL 2025**
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 23 APRIL 2025**
**BILANGAN IKLAN: 2025/MAR/01/KHEU**

**1. Syarat-Syarat Am:**

(A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

(D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

(A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.

(B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.

**KETUA MERINYU HAL EHWAL UGAMA**
**JABATAN HAL EHWAL SYARIAH**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**C.1-2 EB.3 ($1,280 - $2,270 EB KHAS $2,340 - $2,620 SEBULAN)**
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma* Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam / Syariah / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

2. Berkemahiran menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta memahami Bahasa Arab dengan baik adalah kelebihan.

3. Berpengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengauditan.

4. Berpengalaman dan Berpengetahuan dalam mengendalikan komputer.

5. Mempunyai Lesen Memandu Kelas tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

6. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Unit Koordinasi Operasi, Seksyen Penguatkuasaan Halal;

2. Menguatkuasakan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan Akta Daging Halal Penggal 183;

3. Memproses dan menjalankan pemeriksaan permohonan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005;

4. Memproses permohonan di bawah Akta Daging Halal Penggal 183;

5. Menjalankan pemeriksaan dan pengesahan penyembelihan serta ujian lisan dan praktikal bagi permohonan Sijil Penyembelihan; dan

6. Menjalankan pemeriksaan ke rumah-rumah sembelihan tempatan yang diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti berikut:**

| | | |
|---|---|---|
| **Alamat** | **:** | **UNIT PENGAMBILAN, TINGKAT 3, BANGUNAN ASAL KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** |
| **Emel** | **:** | **Recruitment@mora.gov.bn** |